

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan wawasan dan pengurusan gagasan dan cadangan daripada 13,837 pos di bajet2018.najibrazak.com.

JAWAPAN

Sebahagian besar cadangan Bajet 2018 yang dikemukakan melalui portal najibrazak.com telah diteliti dan diperhalusi dalam merangka langkah Bajet 2018. Terdapat cadangan yang dibangkitkan telah dilaksanakan Kerajaan pada masa kini dan terdapat cadangan yang tidak dapat dipertimbangkan kerana tidak selaras dengan dasar Kerajaan.

RT30/494

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN BERTULIS : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
DARIPADA****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keadaan buli, ponteng dan dadah di sekolah-sekolah dan langkah mengatasinya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, gejala buli, ponteng dan dadah di sekolah adalah terkawal. Sepanjang tahun 2012 hingga 2017, secara purata hanya 0.07 peratus murid sahaja yang terlibat dengan buli dan hanya 0.51 peratus murid yang terlibat dengan ponteng sekolah. Berhubung dengan gejala dadah pula, setakat 31 Julai 2017, peratus murid yang dikesan mencuba dadah adalah masih kecil iaitu 0.03 peratus daripada keseluruhan murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah disiplin termasuk membendung gejala buli, ponteng dan dadah yang melibatkan murid di sekolah. Antara langkah yang diambil adalah melalui usaha pencegahan, pemulihan, kerjasama dengan pihak luar, libat urus bersama PIBG, NGO dan agensi luar dan melalui program Amalan Guru Penyayang.